

Dr Mahathir syor Bank Negara adakan modal penerokaan

9
11 FEB 1984
KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengesyorkan Bank Negara supaya mengkoji kemungkinon menyediakan satu jenis 'modal penerokaan' yang membolehkan institusi kewangan mengeluarkan modal beraskan daya pemikiran dan pengetahuan.

Perdana Menteri berkata, padatahun-tahun akan datang, jangkaan dan kehendak pelanggan, ke atas sistem kewangan akan meningkat kerana perusahaan-perusahaan moden tidak berasas kepada aset tetapi berasaskan kepada gagasan dan pengetahuan.

Menurutnya, industri baru seperti kejuruteraan genetik, elektronik, cara-cara pengangkutan yang baru bukanlah jenis industri yang boleh dinilai seperti harta.

"Harta mereka ialah pengetahuan yang tidak boleh ditentukan nilainya. Oleh itu masanya sudah tiba untuk mewujudkan jenis modal yang dikenali dengan nama 'modal

penerokaan,'" katanya ketika berucap di majlis jamuan molom menyambut Jubli Perak Bank Negara, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Bank Negara mestilah mengkaji dan merancang untuk membolehkan institusi kewangan mengeluarkan 'modal penerokaan' dan menentukan cara-cara penilaian dan urusan supaya penipu dan penyeleweng tidak mendapat peluang.

Mengatasi saingan

Katanya, sebagai penyimpan tabungan negara, sebagai penggerak simpanan dan saluran kredit yang penting bagi penggunaan dan pelaburan, sistem bank sendiri mestilah sentiasa berubah.

Beliau berpendapat, institusi-institusi kewangan mestilah mencipta mekanisme kewangan baru bagi mengumpul jumlah tabungan yang diperlukan dan yang penting bagi proses pembangunan.

Katanya, pada tahun-tahun hadapan, Malaysia akan memerlukan jumlah pelabu-

ran yang tinggi bagi meningkatkan sektor perusahaan, pertanian dan perlombongannya supaya dapat terus mengatasi segala persaingan.

"Sistem bank mesti mencuba sedaya upaya bagi menanam tabiat untuk menabung di kalangan muda-mudi kita, dan menebalkan sifat melabur bagi masa depan dan bukan berbelanja untuk masa kini sahaja," ujarnya.

Beliau menambah, kita mesti terus menggunakan sewajar-wajarnya sumber-sumber yang terhad itu dan jangan terperangkap dengan tabiat boros berbetonja.

Perdana Menteri juga berkata, bank-bank perdagangan sebagai institusi yang paling rapat dengan orang ramai mestilah menumpukan perhatian bukan sahaja kepada harta dalam imbalan bayaran mereka, tetapi juga menggalakkan penabungan di semua peringkat.

Sistem bank mestilah sentiasa membantukan kerajaan dan sektor swasta melalui kemudahan kewangan dan kepakaran profesional mengenai kewangan.